

## MERDEKA DARIPADA KEJAHILAN

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا، سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ لَتَضَعُ  
أَجْنِحَتَهَا رِضًا لِطَالِبِ الْعِلْمِ، وَإِنَّ طَالِبَ الْعِلْمِ يَسْتَغْفِرُ لَهُ مَنْ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ، حَتَّى  
الْحَيَّاتِ فِي الْمَاءِ، وَإِنَّ فَضْلَ الْعَالَمِ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضْلِ الْقَمَرِ عَلَى سَائِرِ الْكَوَاكِبِ، إِنَّ الْعُلَمَاءَ  
وَرَبُّهُ الْأَنْبِيَاءُ، إِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا وَلَا دِرْهَمًا، إِنَّمَا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَحَدَهُ أَحَدٌ بِحَظٍّ وَافِرٍ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga. Sesungguhnya para malaikat meletakkan sayap-sayap mereka kerana redha kepada penuntut ilmu. Sesungguhnya semua makhluk di langit dan di bumi memohon keampunan bagi penuntut ilmu, hatta ikan di lautan. Sesungguhnya kelebihan orang alim berbanding ahli ibadah seperti kelebihan bulan purnama ke atas seluruh bintang. Sesungguhnya para ulama itu adalah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham, akan tetapi mereka mewariskan ilmu. Maka sesiapa yang mengambilnya, maka dia telah mengambil satu bahagian yang besar.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah, no. 223: Sahih)

Kemerdekaan sering difahami sebagai kebebasan daripada penjajahan politik. Namun dalam perspektif Islam, kemerdekaan yang hakiki ialah pembebasan jiwa daripada kejahilan. Kejahilan bukan sekadar ketiadaan ilmu tetapi merupakan kegelapan yang merosakkan aqidah, akhlak dan ketamadunan umat.

Dalam konteks umum, kemerdekaan sering dirujuk sebagai kebebasan sesebuah negara daripada penjajahan. Namun, Islam menegaskan bahawa kemerdekaan hakiki bermula dengan pembebasan jiwa dan akal daripada kejahilan (*al-jahl*). Kejahilan merupakan antara faktor utama yang membawa kepada kemunduran sesebuah tamadun kerana ia menyebabkan masyarakat hilang arah dan mudah dipengaruhi oleh pihak luar. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi*

*wasallam* menegaskan bahawa menuntut ilmu adalah kewajipan bagi setiap Muslim.

Ulama membahagikan kejahanan kepada dua kategori, iaitu *jahl basit* (jahil sederhana) iaitu tidak mengetahui sesuatu dan sedar akan ketidaktahuannya, dan *jahl murakkab* iaitu tidak mengetahui sesuatu tetapi menyangka bahawa dirinya mengetahui. Kategori kedua dianggap lebih berbahaya kerana membawa kepada penolakan kebenaran.

Al-Quran menggambarkan kejahanan sebagai kegelapan yang membelenggu manusia:

اللهُ وَلِيُّ الدِّينَ آمَنُوا يُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ

**Maksudnya:** “Allah Pelindung orang yang beriman, Dia mengeluarkan mereka daripada kegelapan kepada cahaya.”

(Surah al-Baqarah 2: 257)

Individu yang jahil mudah terjerumus ke dalam kesyirikan, bid'ah dan amalan khurafat. Kejahanan merosakkan akhlak kerana manusia tidak lagi takut kepada Allah *Subhanahu wata'ala*, Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اِنْتَرَاعًا يَنْتَرِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ، وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بِقَبْضٍ الْعَلَمَاءِ، حَتَّىٰ إِذَا  
لَمْ يُبْقِي عَالِمًا اتَّخَذَ النَّاسُ رُؤُوسًا جُهَّالًا، فَسُئِلُوا فَأَفْنَوُا بِغَيْرِ عِلْمٍ، فَضَلُّوا وَأَضَلُّوا

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu sekaligus, tetapi Dia mencabut ilmu dengan mewafatkan para ulama. Apabila tiada lagi orang berilmu, manusia akan mengangkat orang jahil sebagai pemimpin, mereka ditanya lalu memberi fatwa tanpa ilmu, maka mereka sesat dan menyesatkan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, no. 100)

Islam menegaskan bahawa ilmu adalah fardhu 'ain dan fardhu kifayah. Dinukilkan dalam kitab *Ihya Ulumuddin*, mafhumnya Imam al-Ghazali menyatakan bahawa ilmu aqidah, ibadah dan akhlak adalah fardhu 'ain manakala ilmu yang menyokong kemaslahatan masyarakat seperti perubatan dan teknologi adalah fardhu kifayah.

Konsep at-ta'lim wa at-tarbiyah ialah asas membina masyarakat berilmu. kedudukan ulama perlu dipertahankan bagi mengelakkan masyarakat terdedah kepada ajaran sesat. Kemerdekaan daripada kejahilan ialah asas kebangkitan umat Islam. Kejahilan melemahkan aqidah, akhlak dan tamadun. Oleh itu, strategi membebaskan diri daripada kejahilan mesti bermula dengan pendidikan yang bersepadu, penyebaran ilmu dan pengukuhan institusi ulama.

Allah Subhanahu wata'ala berfirman:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ

**Maksudnya:** “Allah mengangkat darjah orang yang beriman di antara kamu dan orang yang diberi ilmu beberapa darjah.”

(Surah al-Mujadilah :11)

Bagi mencapai kemerdekaan daripada belenggu kejahilan, seseorang perlu memberikan perhatian yang serius terhadap usaha menuntut ilmu serta menzahirkan penghormatan yang sewajarnya kepada institusi ulama. Ulama berperanan sebagai penasihat ummah dengan berpandukan al-Quran dan as-Sunnah dalam memberikan bimbingan yang benar. Komitmen terhadap pencarian ilmu dan pemuliaan terhadap ulama ini merupakan asas penting dalam pembentukan umat yang merdeka bukan sahaja dari aspek fizikal dan material, malah dari sudut pemikiran dan kerohanian. Amalan ini juga menjadi teras kepada pembinaan tamadun Islam yang luhur dan disegani sepanjang zaman.

*Wallahu a'lam.*